

Sokong Palestin tidak jejas ekonomi

Oleh OMAR ZIN. MOHD.

FADHLI MOHD. SULAIMAN dan
JOHANNA MUMTAZ WANPA
utusannews@mediamulia.com.my



Negara-negara
lain tiada hak
tentu pendirian
Malaysia dalam
isu Palestin-Israel

KUALA LUMPUR: Pendirian tegas Malaysia mengutuk serangan rejim Zionis Israel ke atas penduduk Palestin tidak menjejaskan ekonomi dan pelaburan syarikat asing khususnya dari Amerika Syarikat (AS).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ini kerana Malaysia terus meraih

komitmen pelaburan tambahan RM60 bilion dari AS ketika lantang menyokong Palestin.

Menurut beliau, nilai pelaburan itu diperoleh ketika beliau mengetuai delegasi Malaysia ke Persidangan Ke-30 Pemimpin-Pemimpin Ekonomi bagi Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) di San Francisco, California minggu lalu.

Perdana Menteri berkata, ia menunjukkan sokongan terhadap Palestin bukanlah halangan untuk meraih pelaburan

daripada mana-mana pihak.

Katanya, Presiden AS, Joe Biden menghormati pendirian Malaysia mengenai konflik peperangan di Gaza.

“Walaupun kita agak tegas dan lantang menyuarakan di hadapan Presiden Biden mengenai kesengsaraan rakyat Palestin, tapi kita masih dapat pelaburan tambahan AS sebanyak RM60 bilion,” kata beliau di sini semalam.

Bersambung di muka 3